

Awas Penipuan eSIM: Jangan Kongsi ID Login – Walaupun Dengan Orang Tersayang

Nasihat Awam CFM

Dalam dunia digital hari ini, penipuan semakin licik. Salah satu bentuk penipuan yang kini semakin meningkat di Malaysia ialah penipuan eSIM – di mana nombor telefon anda boleh diambil alih oleh penjenayah hanya dengan akses kepada akaun aplikasi telko anda.

Dan ya ia boleh berlaku walaupun anda tidak kehilangan telefon.

Apa Itu Penipuan eSIM?

eSIM (embedded SIM) ialah kad SIM digital yang terbina dalam telefon pintar dan boleh diaktifkan secara jauh — tanpa perlu tukar kad fizikal.

Namun, kemudahan ini juga membuka ruang kepada penjenayah untuk merampas nombor telefon anda jika mereka berjaya akses akaun telko anda.

Apabila nombor anda diambil alih, mereka boleh:

Terima OTP SMS anda

Masuk ke WhatsApp, media sosial atau e-mel

✓ **Akses aplikasi bank**

✓ **Pindahkan duit anda tanpa disedari**

Bagaimana Ia Berlaku

Kes penipuan ini semakin banyak dilaporkan:

1. **Penjenayah dapat login ID dan kata laluan aplikasi telko anda (melalui penipuan, kebocoran data, atau perkongsian).**
2. **Mereka log masuk dan tukar alamat e-mel berdaftar kepada e-mel mereka.**
3. **Telko tidak hantar OTP atau notifikasi untuk sahkan perubahan e-mel.**
4. **Penjenayah mohon pengaktifan eSIM atas nama anda, dan pasang eSIM dalam telefon mereka.**
5. **Anda hilang rangkaian, dan mereka ambil alih sepenuhnya nombor anda.**

Semuanya boleh berlaku dalam kurang 10 minit – tanpa anda sedari.

✗ Jangan Kongsi Maklumat Login — Walaupun Dengan Orang Tersayang

Walaupun dengan individu yang anda percaya — jangan kongsi:

- ID dan kata laluan aplikasi telko anda
- OTP daripada SMS atau e-mel
- Gambar IC atau kad bank
- Kod QR (terutamanya untuk pengaktifan eSIM)

Jika akaun anda digodam, dan login dikongsi secara sukarela anda mungkin dipertanggungjawabkan.

 *“Tapi saya hanya kongsi dengan pasangan/keluarga!”*

Itu tetap risiko. Kadang-kadang maklumat boleh bocor atau disalah guna tanpa sengaja.

Tip Pengguna Bijak

✓ LAKUKAN INI	✗ JANGAN BUAT INI
Guna kata laluan kukuh & unik	Guna kata laluan sama di semua akaun
Aktifkan Face ID / Cap Jari	Simpan password dalam galeri / nota telefon
Baca notifikasi akaun dari telko	Abaikan mesej tukar e-mel atau login
Beli eSIM dari saluran rasmi	Beli eSIM “murah” dari WhatsApp/Telegram
Hubungi telko segera jika tiada rangkaian	Tunggu dan anggap hanya masalah teknikal

Jika Anda Terkena

1. Hubungi telko anda segera untuk sekat nombor dan siasatan.
2. Buat laporan polis – ini adalah jenayah siber.
3. Lapor kepada CFM/MCMC melalui <https://www.mcmc.gov.my/ms/make-a-complaint/mcmc-complaint-portal>
4. Maklumkan kepada bank untuk sekat transaksi atau buat aduan rasmi.

Apa Yang CFM Lakukan

CFM sedang memantau trend ini secara serius dan telah mengambil tindakan berikut:

- **Mendesak penyedia perkhidmatan agar mewajibkan pengesahan 2-langkah (OTP) sebelum tukar e-mel atau mohon eSIM;**
- **Menuntut sistem notifikasi waktu sebenar untuk aktiviti akaun berisiko tinggi;**
- **Meningkatkan kesedaran pengguna melalui saluran rasmi.**

Ingat: Lindungi Identiti Digital Anda

Login aplikasi telko = kunci kepada nombor dan akaun anda.

Jangan biarkan orang lain ambil alih hidup digital anda.

Berwaspada. Berkuasa. Bertanggungjawab.

Jangan sekali-kali kongsi login telko — walaupun dengan orang yang anda sayangi.

 ***Disediakan oleh Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM)***